WONG TANG YAW

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-41A & 41B-92]
4 NOVEMBER 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH: Tuduhan merompak - Tuduhan dipinda beberapa kali - Rayuan pendakwa atas hukuman yang dijatuhkan - Rayuan tertuduh atas keputusan Mahkamah rendah yang mendapati tertuduh bersalah atas tuduhan - Kekeliruan atas tuduhan pindaan yang dikemukakan di Mahkamah rendah dan yang difailkan dalam Rekod Rayuan - Kesannya - Catitan dalam Nota Keterangan Hakim Mahkamah rendah berlawanan dengan kehendak s. 173(c) Kanun prosedur Jenayah - Kesannya.

PROSEDUR JENAYAH: Hakim Mahkamah rendah memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie - Selepas memutuskan sedemikian pihak pembela dibenarkan memeriksa balas saksi-saksi pendakwaan - Samada salah dari segi prinsip undang-undang jenayah.

Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas dua tuduhan di bawah ss. 392, 394 & 397 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s. 34 Kanun yang sama. Tertuduh kedua telah mengaku bersalah dan tertuduh pertama telah didapati bersalah selepas perbicaraan dan disabitkan kesalahannya. Pendakwa Raya telah membuat rayuan atas hukuman yang dikenakan keatas tertuduh pertama dan tertuduh pertama telah merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang mendapati ia bersalah atas tuduhan.

Diputuskan:

[1] Catitan Hakim Mahkamah Sesyen dalam Nota Keterangan iaitu "CT" (claims trial) dengan diikuti dengan "UNCP" (understood nature, consequences of plea) adalah berlawanan dengan kehendak s. 173(c) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) yang menyatakan bahawa jikalau tertuduh menuntut dibicarakan, maka Mahkamah hendaklah terus mendengar keterangan pengadu dan menuliskan semua keterangan yang dikemukakan bagi menyokong pendakwaan itu.

[2] Peruntukan s. 173(c) KPJ adalah mandatori atau termesti oleh kerana dalam kes-kes dimana OKT mengaku bersalah, maka seseorang Majistret atau Hakim Sesyen hendaklah menentukan bahawa pengakuan bersalah itu dilafazkan oleh OKT itu sendiri dan didengari oleh Peguamnya jika beliau hadir dan bukannya dinyatakan melalui Peguamnya.

[3] Ini adalah mandatori dan penting oleh kerana s. 173(b) KPJ menghendaki bahawa jikalau tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan itu sama ada pertuduhan asal ataupun yang telah dipinda maka pengakuan bersalahnya itu hendaklah direkodkan dan dengan itu bolehlah disabitkan dengan syarat sebelum direkodkan pengakuan bersalahnya itu maka Mahkamah hendaklah menentukan tertuduh itu faham akan jenis dan akibat pengakuan bersalahnya itu dan beliau mahu mengaku bersalah tanpa syarat terhadap kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya.

[4] Maka adalah jelas bahawa kependekatan "UNCP" seperti yang terdapat tercatit dalam Nota Keterangan kes ini terpakai hanya kepada OKT 2, yang telah mengaku bersalah, dan tidak boleh digunakan terhadap OKT 1 yang telah memohon untuk dibicarakan. Selain daripada itu Hakim Sesyen telah juga melakukan kesalahan dengan bertanya OKT 1 sama ada dia mengaku bersalah atau minta dibicarakan dalam sambung bicara kes ini pada 6 Mac 1991. Ini adalah kerana keperluan s. 173(a) KPJ hanya boleh dilakukan sekali sahaja seperti yang telah telah dilakukan pada mula-mula sekali terhadap pertuduhan pindaan pada 9 Mac 1988.

[5] Dalam suasana keterangan yang dikemukakan dalam kes ini seperti yang tertera dalam Rekod Rayuan, Mahkamah berada di dalam situasi terumbang-ambing sama ada wujud satu pertuduhan terpinda seperti dalam Petisyen Rayuan Timbalan Pendakwa Raya atau dua pertuduhan terpinda seperti yang cuba dijelaskan oleh Timbalan Pendakwa Raya dalam hujahan bertulisnya.

[6] Yang menjadikan kes ini bertambah tenat adalah hakikat bahawa tiada peluang dan kebenaran diberikan kepada pendakwa dan

OKT 1 untuk memanggil semula saksi-saksi yang telah memberi keterangan untuk diperiksa oleh mereka seperti kehendak s. 162 KPJ. Perkara ini penting dalam perbicaraan ini oleh sebab mengikut Rekod Rayuan, ini adalah pindaan pertuduhan yang kedua dilakukan dalam kes ini, dan ditambah dengan kesambillewaan dalam merekodkan Nota Keterangan oleh Hakim Sesyen dan ketidaktentuan mengenai pertuduhan pindaan yang mana yang telah dihadapkan kepada OKT 1.

[7] Adalah bersalahan dari segi prinsip undang-undang jenayah bagi Mahkamah membenarkan pihak pembelaan memanggil semula saksi-saksi pendakwaan yang telah memberikan keterangan selepas Mahkamah mencapai penemuan dan membuat keputusan bersandarkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan.

[8] Adalah menjadi inti sistem undang-undang jenayah yang di amalkan di Malaysia bahawa beban membukti berada di atas bahu pihak pendakwaan pada sepanjang masa dan anggapan ketakbersalahan pula diberikan kepada OKT dan apabila pihak pendakwa berjaya memenuhi beban keterangan pada peringkat *prima facie* itu, maka satu kes telah dibuktikan yang perlu dijawab oleh OKT oleh kerana pihak pendakwa telah berjaya melaksanakan beban membukti yang sah disisi undang-undang dan OKT hendaklah dipanggil membela diri.

[9] Sikap sambil lewa yang terdapat dalam penyediaan Rekod Rayuan telah menimbulkan banyak ketidaktentuarahan mengenai prosedur dan pertuduhan yang dihadapkan kepada perayu. Dalm kes jenayah, terutamanya pada peringkat rayuan, hak OKT terhadap faedah keraguan hendaklah dan semestinya diberikan pertimbangan dan tekanan yang sesuai. Dalam kes ini faedah keraguan tersebut diberikan kepada perayu oleh sebab timbul banyak keraguan dalam pengerekodan Nota Keterangan yang tidak dijelaskan langsung oleh Timbalan Pendakwa Raya pada peringkat rayuan.

[10] Oleh kerana ia adalah lebih penting menegakkan prinsip yang berkaitan daripada mempertahankan kes itu sendiri, Mahkamah membenarkan rayuan perayu dan membatalkan perbicaraan dan sabitan yang dikenakan ke atas beliau dan mengetepikan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya dan membebaskan dan melepaskannya.

Obiter:

Semasa mengambil Nota Keterangan sesuatu kes itu tidaklah salah sekiranya seseorang Majistret atau Hakim Sesyen menggunakan sengkatan atau kependekan bagi mempercepatkan pengambilan nota sesuatu kes terutamanya hal perkara yang telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan para Majistret dan Hakim Sesyen; akan tetapi apabila Nota Keterangan sesuatu kes itu disediakan untuk tujuan rayuan ke Mahkamah Tinggi, adalah lebih teratur dan kemas jika sengkatan-sengkatan atau kependekan-kependekan yang digunakan itu dituliskan dengan secara lengkap supaya nota tersebut lebih jelas dan bermakna supaya Hakim rayuan dapat memahaminya dan menilitinya dengan lebih mudah lagi.

Dengan berbuat demikian maka para Majistret dan Hakim Sesyen dapat mengelakkan daripada membuat kesalahan-kesalahan yang mungkin berlawanan dengan kehendak-kehendak Kanun Prosedur Jenayah oleh kerana kebiasan mereka menggunakan sengkatan atau kependekan itu selalunya dilakukan secara automatik, iaitu dilakukan seolah-olah tanpa berfikir.

[Rayuan tertuduh dibenarkan. Rayuan Pendakwa Raya ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:
Lim Kheak Teong v. Public Prosecutor [1985] 1 MLJ 38 ***(dirujuk)***
Sun Kam Heng v. Public Prosecutor [1993] 1 AMR 2:49 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Keseksaan, ss. 34, 392, 394, 397
Kanun Prosedur Jenayah, s. 173(b), (c)

Bagi pihak OKT - Paul; T/n. Aris Rizal Christopher Fernando
Bagi pihak Perayu - Abd. Karim, Timbalan Pendakwa Raya

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:
Daripada catitan Rekod Rayuan dapat diperhatikan bahawa Wong Tang Yaw (OKT1/ Perayu) bersama-sama dengan Tan Boon Hock

(OKT2 yang kemudiannya telah mengaku bersalah) telah dihadapkan pada mulanya dengan 2 pertuduhan yang berbunyi:

1st Charge

That you both on 31 December 1986 at about 10.30 a.m. at house numbered 17, Bukit Pelandok, in the District of Port Dickson, in the State of Negeri Sembilan, in furtherance of the common intention of you both did commit robbery of 1 gold necklet with a gold locket, 1 gold necklet with a gem locket, 2 gold bracelets, 1 gold ring and 1 gold ring with a gem stone valued at RM3,110 which was the property of Liew Mui Yeng KP. 7208570 and that you have thereby committed an offence punishable under s. 392 and 397 of the Penal Code to be read together with s. 34 of the same Code.

2nd Charge

That you both on 31 December 1986 at about 10.30 a.m. at house numbered 17,Bukit Pelanduk, in the District of Port Dickson, in the State of Negeri Sembilan, in furtherance of the common intention of you both did commit robbery and at the time of committing the said robbery you caused hurt to one Yeong Hong Te KP. 5923760 whilst armed with a deadly weapon to wit a knife and thereby committed an offence under s. 394 and 397 of the Penal Code to be read together with s. 34 of the same Code.

Kes ini telah mula didengar pada 14 Januari 1987 dan nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

Dalam Mahkamah Sesyen Seremban
Dalam Negeri, Negeri Sembilan

(Kes Tangkap No. (74) 2/87)

Pendakwa Raya ... Plaintif

lwn.

(1) Wong Tang Yaw ... Responden

(2) Tan Boon Hock

Nota Keterangan

14 January 1987

2nd accused in person.

P. O. : ASP Ganesh.
P. O. : 1st accused is warded in Hospital.
CREU/PG/UCC 1st charge.
Court : To 21 January 1987 (F & S)
P. O. oppose bail.
Since he pleaded guilty only waiting for sentence.
21 January 1987 (M).

Sd.

Dapat diperhatikan bahawa kes ini didengar di Mahkamah Sesyen Seremban (sepatutnya Port Dickson) dan OKT 2 telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan pertama sahaja. Tidak dinyatakan apa-apa mengenai pertuduhan kedua oleh pegawai pendakwanya iaitu ASP Ganesh.

Pada 9 Mac 1988 pula nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

9 March 1988

Inspektor Koay for PP.
Mr. C.W. Chan for both Accused.
Both 1st and 2nd Accused present.

P. O. : Tender Amended Charges - Ex.P1.

Amended 1st Charge R & E to 1st Accused.
1st Accused - Claim Trial.
Amended 1st Charge R.E. to 2nd Accused.
2nd Accused - Claim Trial.
Amended 2nd Charge R & E to 1st Accused.
1st Accused - Claim Trial.
Amended 2nd Charge R & E to 2nd Accused.
2nd Accused - Claim Trial.

Mr. C. W. : I have not received the Charge sheet of both the accused in this case. I ask for a postponement. I wrote to the police for the Charge sheet a long time ago. I wrote several times for the Charge Sheet.
Ct. to : Who are you going to call today?
P. O.
P. O. : Some policeman and the Complainant. I have no objection to the postponement. I have to photostat the copy of Charge Sheet to be given to Defence-Counsel.
D/Counsel: It is not possible for me to put up a good defence if I do not have sufficient time to study the Charge statement. I apologise for not writing earlier to the Court to apply for a postponement.
Court : Application granted.
To: 20 to 22 June 1988.
Bail Extended.

Sd.

Dapat diperhatikan bahawa Pegawai Pendakwa Inspektor Koay telah mengemukakan pertuduhan yang terpinda dan dijadikan barang kes dan ditandai P1. Barang kes P1 adalah seperti berikut:

Amended Charge
1st Charge

That you on 31 December 1986 at about 10.15 a.m., at an unnumbered house Kg. 100 Ekar,

Bukit Pelandok, in the District of Port Dickson, in the State of Negeri Sembilan, in furtherance of the common intention of you both, robbed Liew Mui Yong and Chong Moi of 2 gold chains with lockets, 2 gold bracelets and 2 gold ring total valued at about RM3,110 and while committing the said robbery, both of you were armed with a knife each, and that you have thereby committed an offence punishable under s. 392 and 397 of the Penal Code to be read together with s. 34 of the same Code.

2nd Charge

That you both at about the same time and place, in furtherance of the common intention of you both in committing the said robbery, and at the time of the commission of the said robbery you voluntarily caused hurt to one Yeong Hong To and that you have thereby committed an offence punishable under s. 394 of the Penal Code.

Bukit Pelandok Rpt. 584/86.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua orang kena tuduh meminta dibicarakan ke atas kedua-dua pertuduhan terpinda di atas yang dihadapkan ke atas mereka.

Pada 26 Oktober 1988 tarikh perbicaraan untuk OKT l telah ditetapkan daripada 16 Januari 1989 hingga 18 January 1989 akan tetapi kes ini telah ditunda daripada 16 Januari 1989 kepada 25 Mei 1989 dan daripada 25 Mei 1989 kepada 30 Ogos 1989.

Dalam pada itu pada 14 Disember 1988 nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

14 December 1988	ASP Tan for P.P. Mr. Edmund. 2nd Accused present.
Mr.Edmund:	I apply for bail of 2nd Accused.
P. O. :	In view of the failure of the accused to turn up on the last 2 (M) date, I ask for additional bail. RM10,000 does not appear to have been sufficient.
Mr. Edmund :	The last day where the 2nd acused was supposed to attend, he was stranded in Butterworth, intention to jump bail was not there.
Ct: 2nd Accused:	2nd accused offered bail - the sum of RM15,000 with 1 surety. 16-18 January 1989 for (H).
P. O. :	Sedia.
Court :	Stand down.

Sd.

10.10 p. m. :	Parties as before. OKT 2 - 2CREU.PG.UNCP OKTl - 2CREU.CT.UNCP.
Court :	F/S - akan dibuat selepas perbicaraan kes OKTl.
PW1 :	Liew Mui Yong Affirmed states in Mandarin. 26 Tahun. Numbered House, Bt. Pelandok, Port Dickson. Housewife.

Pemeriksaan Utama:

31Disember 1986 - saya tinggal di rumah yang sama. No. 17, Bukit Pelandok adalah rumah emak mertua saya.

.....

.....

.....

Soalan :	Siapa nama suami awak? Yeong Hong Tee (dicam).
10. 50 :	Adjourned 15 minutes.

Sd.

11. 45 :	Parties as before. OKT 1 & 2 hadir.
P. O. :	Mohon tangguh - untuk rujuk kes pada DPP - Pindaan tuduhan terhadap OKT-OKT.
Court:	7 September 1989 (M) OKT l - Bail Extended. OKT 2 - R/E.

Sd.

Dapat diperhatikan bahawa pada pukul 10.10 p.m. (sepatutnya a.m.) OKT 1 telah meminta dibicarakan ke atas kedua-dua pertuduhan (sepatutnya disebut terpinda) sementara OKT 2 telah mengaku bersalah ke atas kedua-dua pertuduhan (sepatutnya disebut terpinda).

Dapat diperhatikan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana itu telah menggunakan sengkatan atau kependekan dalam mencatitkan pli (plea - akuan) kedua-dua orang tertuduh itu dan bagi pli (akuan) OKT l dicatitkan seperti berikut:

"OKT 1 - 2CREU. CT. UNCP."

yang bermaksud, "two charges read, explained and understood. Claims Trial, Understood, Nature, Consequence of Plea."

Saya berpandangan semasa mengambil nota keterangan sesuatu kes itu tidaklah salah sekiranya seseorang Majistret atau Hakim Sesyen menggunakan sengkatan atau kependekan bagi mempercepatkan pengambilan nota sesuatu kes terutamanya hal perkara yang telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan para Majistret dan Hakim Sesyen; akan tetapi apabila nota keterangan sesuatu kes itu disediakan untuk tujuan rayuan ke Mahkamah Tinggi, adalah lebih teratur dan kemas jika sengkatan-sengkatan atau kependekan-kependekan yang digunakan itu dituliskan dengan secara lengkap supaya nota tersebut lebih jelas dan bermakna supaya Hakim rayuan dapat memahaminya dan menelitinya dengan lebih mudah lagi. Dengan berbuat demikian maka para Majistret dan Hakim Sesyen dapat mengelakkan daripada membuat kesalahan-kesalahan yang mungkin berlawanan dengan kehendak-kehendak Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) oleh kerana kebiasan mereka menggunakan sengkatan atau kependekan itu selalunya dilakukan secara automatik, iaitu dilakukan seolah-olah tanpa berfikir. Itulah yang berlaku dalam kes ini. Hakim Sesyen telah mencatitkan "CT" dengan diikuti dengan 'UNCP'. Ini adalah berlawanan dengan kehendak s. 173(c) RPJ yang menyatakan bahawa jikalau tertuduh ... menuntut dibicarakan, maka Mahkamah hendaklah terus mendengar keterangan pengadu (jika ada) dan menuliskan semua keterangan yang dikemukakan bagi menyokong pendakwaan itu. Saya berpendapat bahawa peruntukan s. 173(c) KPJ ini adalah mandatori atau termesti oleh kerana dalam kes-kes di mana OKT mengaku bersalah seperti OKT 2 dalam kes ini, maka seseorang Majistret atau Hakim Sesyen hendaklah menentukan bahawa pengakuan bersalah itu dilafazkan oleh OKT itu sendiri dan didengari oleh Peguamnya jika beliau hadir dan bukannya dinyatakan melalui Peguamnya. Ini adalah penting dan mandatori oleh kerana s. 173(b) menghendaki bahawa jikalau tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan itu sama ada pertuduhan asal ataupun yang telah dipinda maka pengakuan bersalahnya itu hendaklah direkodkan dan dengan itu bolehlah disabitkan dengan syarat sebelum direkodkan pengakuan bersalahnya itu maka Mahkamah hendaklah menentukan tertuduh itu faham akan jenis dan akibat pengakuan bersalahnya itu dan beliau mahu mengaku bersalah tanpa syarat terhadap kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya.

Maka adalah jelas bahawa kependekatan "UNCP" seperti yang terdapat tercatit dalam nota keterangan kes ini terpakai hanya kepada OKT 2 yang telah mengaku bersalah sahaja oleh kerana OKT 2 mestilah memahami sepenuhnya setiap pengataan (allegation) dalam pertuduhan (pindaan) tersebut yang beliau telah mengaku bersalah dan memahami sepenuhnya pula kesan akibat yang timbul daripada pengakuan bersalah itu tadi; dan seterusnya beliau mahu mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat.

Dalam kes ini seterusnya keterangan bersumpah Liew Mui Yeng (PWl) telah diambil dan kemudian ditangguhkan selama 15 minit apabila pada pukul 11.45 (sepatutnya dituliskan pagi) pegawai pendakwaan ASP Tan memohon kes ditangguhkan untuk beliau merujukannya pada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi meminda pertuduhan (yang terpinda) terhadap para OKT.

Pada 30 Ogos 1989 nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

30 Ogos 1989

P. O. : Tan.
2 OKT : Hadir.
D/Counsel: Tak Hadir.
2 CREU. Both CT.UNCP.
Surat D/Counsel terlibat di High Court Kuala Lumpur - Kes Sibil.

10.50 : Parties as before.
PW1 : Reaffirm.

Pada 7 September 1989 pula nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

7 September 1898

P. O. : Tan.
DC2 : Mr. Ledchumiah.
OKT : Hadir.
1st OKT: 2CREU.CT.UNCP.
2nd OKT: 2CREU.CT.UNCP.
P. O. : Bagi OKT 1 - mohon C - H di Port Dickson dan OKT 2 P.C. - mohon pindah kes ke Ct-2 untuk disposal.

Sd.

Ct : C - H - OKT 1.
OKT 2 - Kes pindah ke Ct - 2 untuk disposal. 29 September 1989 - C - H di Port Dickson Court.

Sd.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua orang OKT telah meminta dibicarakan ke atas kedua-

dua pertuduhan (tidak disebutkan pertuduhan yang mana iaitu sama ada pertuduhan terpinda yang telah dikemukakan pada 9 Mac 1988 iaitu P1 atau pertuduhan (terpinda) yang dikatakan hendak dirujuk kepada TPR bagi pindaan sekali lagi pada 14 Disember 1988).

Sayugia diingatkan di sini bahawa OKT 2 telah membuat pengakuan bersalah ke atas kedua-dua pertuduhan (terpinda) pada 14 Disember 1988.

Dapat diperhatikan di sini bahawa pada hari itu 7 September 1989 pegawai pendakwaan ASP Tan telah memohon kes OKT 2 dipindahkan ke "Court 2 untuk disposal". Sungguhpun OKT 2 meminta dibicarakan ke atas kedua-dua pertuduhan yang dibacakan dan diterangkan kepada beliau pada hari itu iaitu 7 September 1989.

Dapat diperhatikan juga di sini bahawa Hakim Sesyen telah melanggar lagi peruntukan s. 173(c) KPJ seperti yang saya telah bincangkan di atas tadi.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua orang OKT hadir dan meminta dibicarakan ke atas kedua-dua pertuduhan (tidak disebut terpinda) dan lagi sekali Hakim Sesyen tersebut telah melanggar lagi peruntukan s. 173(c) KPJ seperti yang saya telah sentuh di atas tadi. Dapat diperhatikan juga sungguhpun Peguambela bagi pihak kedua-dua orang tertuduh tidak hadir pada hari tersebut, perbicaraan telah dijalankan dengan memanggil semula PW1 (yang telah mula memberikan keterangan pada 14 Disember 1988). Keterangan bersumpah PW1 telah diikuti pula dengan keterangan bersumpah PC 102418 Bakri (PW2), Dr. Ravinder (PW3) dan D/Konst. 49964 Maulud Eshak (PW4) apabila kes telah ditangguhkan kepada 4 April 1990 pada hari mana PW1 telah dipanggil semula untuk memberikan keterangan bersumpah lagi dan kes ditangguhkan kepada 4 Julai 1990, dan oleh kerana beberapa sebab kes ini telah ditangguhkan seterusnya kepada 5 November 1990, 5 Mac l991 dan 6 Mac 1991 pada hari mana OKT hadir tanpa Peguambelanya dan pli (akuan) telah direkodkan lagi sebagai "2CREU.CT.UNCP".

Di sini kenalah pada tempatnya selain daripada Hakim Sesyen telah melakukan kesalahan dengan merekodkan "UNCP terhadap tertuduh yang meminta dibicarakan, seperti yang saya terangkan dulu, Hakim Sesyen juga telah melakukan satu kesalahan lagi dengan bertanya OKT l sama ada dia mengaku bersalah atau minta dibicarakan seperti yang dinotakan olehnya dalam nota keterangan tersebut. Perlu diingati bahawa keperluan s. 173(a) KPJ hanya boleh dilakukan sekali sahaja seperti yang telah dilakukan pada mula-mula sekali terhadap pertuduhan pindaan pada 9 Mac 1988. Seterusnya pada pukul 11.30 (pagi) keterangan bersumpah Yeong Hong Tee (PW5) dan Sgt. 46913 Ismail Dasuki (PW6) telah diambil sehingga pukul 3.25 (petang) apabila kes ditangguh kepada 1 April 1990 .

Pada 1 April 1990 (sepatutnya 1991) pula nota keterangannya menunjukkan seperti berikut:

1 April 1990

P. O. : ASP Ang.
D/Counsel: Ivan Ho.
OKT : Hadir.
D/Counsel: Baru dilantik.
P. O. : Kemukakan tuduhan pindaan - P13.
1st ACREU.CT.UNCP.
2nd ACREU.CT.UNCP.
PW7: Inspektor Mohd. Anuar bin Ahmad. Affirmed states in Bahasa Malaysia. 33 tahun. Cawangan Penempatan dan Kerjaya, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Dapat diperhatikan bahawa pegawai pendakwa ASP Ang telah mengemukakan tuduhan pindaan yang dijadikan barang kes dan ditandai P13. Mengikut Rekod Rayuan P13 adalah seperti muka surat 109. Akan tetapi Encik Ad. Karim Abd. Rahman, Timbalan Pendakwa Raya telah menghujahkan secara bertulis tanpa tarikh yang diterima oleh Mahkamah pada 2 November 1993 bahawa P13 adalah pindaan pertuduhan ke atas OKT 2 yang telah mengaku salah dan seterusnya berhujah bahawa P13 adalah sepertimana pertuduhan yang dilampirkan pada muka surat 12 dalam Rekod Rayuan dan ini menurut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah disahkan daripada cabutan dari dokumen asal dalam Mahkamah Port Dickson. Akan tetapi dengan penjelasan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu maka timbul pula suatu keraguan yang besar bahawa jika dikatakan P13 adalah seperti yang dilampirkan pada muka surat 12, maka P1 juga adalah seperti yang dilampirkan pada muka surat 12 juga. Jadinya terdapat kekeliruan bahawa pindaan yang dikemukakan oleh

Pegawai Pendakwa Inspektor Koay pada 9 Mac 1988 iaitu P1 di mana kedua-dua orang OKT telah tidak mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan terpinda tersebut pada hari itu, walau bagaimanapun, OKT 2 telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan terpinda itu pada 14 Disember 1988, dengan pindaan yang dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa ASP. Ang pada 1 April 1990 iaitu P13 di mana OKT 1 telah minta dibicarakan ke atas kedua-dua pertuduhan terpinda tersebut. Jelas daripada keterangan yang dikemukakan seperti yang dinotakan, dalam Rekod Rayuan itu bahawa wujud dua kali pindaan dilakukan ke atas kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan kepada OKT 1 di mana beliau telah tidak mengaku bersalah dan kedua-dua pindaan itu dikemukakan oleh Insp. Koay pada 14 Disember 1988 dan ASP Ang pada 1 April 1990. Kekeliruan ini bertambah kelam kabut lagi dan menjadi suatu teka teki apabila Petisyen Rayuan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu dinyatakan suatu tuduhan seperti P13 di muka surat 109 Rekod Rayuan bahawa beliau merayu kerana hukuman yang tidak setimpal yang dijatuhkan ke atas OKT 1 itu. Tiada penjelasan diberikan mengapa satu tuduhan sahaja dinyatakan dan tuduhan itu adalah jelas untuk OKT 2. Jadinya dalam suasana keterangan yang dikemukakan dalam kes ini seperti yang tertera dalam Rekod Rayuan Mahkamah berada di dalam situasi terumbang-ambing sama ada wujud satu pertuduhan terpinda seperti dalam Petisyen Rayuan Timbalan Pendakwa Raya atau dua pertuduhan terpinda seperti yang cuba dijelaskan oleh Timbalan Pendakwa Raya dalam hujahan bertulis.

Dapat juga diperhatikan daripada nota keterangan dalam Rekod Rayuan bahawa setakat 1 April 1990 (sepatutnya 1991) seramai 6 orang saksi daripada jumlah 7 orang saksi telah dipanggil dan memberikan keterangan apabila Pegawai Pendakwa ASP Ang mengemukakan pindaan yang kedua ke atas pertuduhan-pertuduhan tersebut. Yang menjadikan kes ini bertambah tenat adalah hakikat bahawa tiada peluang dan kebenaran diberikan kepada pendakwa dan OKT 1 untuk memanggil semula saksi-saksi yang telah memberi keterangan untuk diperiksa oleh mereka seperti kehendak s. 162 Kanun Prosedur Jenayah. Perkara ini penting dalam perbicaraan ini oleh sebab mengikut Rekod Rayuan, ini adalah pindaan pertuduhan yang kedua dilakukan dalam kes ini dan ditambah dengan kesambillewaan dalam merekodkan nota keterangan oleh Hakim Sesyen seperti yang telah diterangkan di atas tadi termasuk pula ketidaktentuan mengenai pertuduhan pindaan yang mana yang telah dihadapkan kepada OKT 1.

Seperkara lagi dalam kes ini Hakim Sesyen telah membenarkan pihak pembela memanggil semula SP5 dan SP7 untuk diperiksa balas selepas beliau memutuskan bahawa terdapat suatu kes *prima facie* dibuktikan tanpa sebarang penghujahan. Nota Keterangannya menunjukkan seperti berikut: (Perkataan Defendan di sini sepatutnya dinotakan sebagai Pendakwaan).

Pemeriksaan Balas:
Nil.

Sd.

Pemeriksaan Semula:
Nil.

Sd.

Kes pendakwa ditutup. Tawarkan 3 saksi untuk pembela.
Inspektor Abdullah Abdul Kadir. Korporal Mamat.
Wong Ye Jow (tak dapat disapina).

D/Counsel:	Tidak perlu mereka.
Court:	Saya tak submission. Defendan telah ada buktikan kes *prima facie* ke atas kedua-dua tuduhan pindaan terhadap OKT.
Court:	Pembela dibenar membuat apa-apa further cross-examination/witness yang telah beri keterangan.
11.40:	Tangguh 11.15 pagi.

Sd.

11.50:	Parties as before.
D/Counsel:	Mohon memanggil PW5 dan PW7 untuk diperiksa balas lanjut.

Sd.

Court:	Diluluskan.

Sd.

Adalah bersalahan dari segi perinsip undang-undang jenayah kita bagi Mahkamah membenarkan pihak pembelaan memanggil semula saksi-saksi pendakwaan yang telah memberikan keterangan selepas Mahkamah mencapai penemuan dan membuat keputusan

bersandarkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan. Adalah menjadi inti sistem undang-undang jenayah yang kita amalkan di Malaysia bahawa beban membukti berada di atas bahu pihak pendakwaan pada sepanjang masa dan anggapan ketakbersalahan pula diberikan kepada OKT dan apabila pihak pendakwa berjaya memenuhi beban keterangan (evidential burden) pada peringkat *prima facie* itu, maka suatu kes telah dibuktikan yang perlu dijawab oleh OKT oleh kerana pihak pendakwa telah berjaya melaksanakan beban membukti yang sah disisi undang-undang (legal burden of proof) dan OKT hendaklah dipanggil membela diri. Apa yang patut dilakukan di dalam kes ini ialah untuk Mahkamah memanggil perayu membela diri dan ketiga-tiga pilihan dibacakan dan diterangkan kepadanya dan sesudah perayu membuat pilihan dan dalam kes ini perayu memilih memberikan keterangan bersumpah maka sekiranya perayu memohon melalui Mahkamah untuk memanggil semula SP5 dan SP7 maka Mahkamah bolehlah memanggil semula SP5 dan SP7 jika didapati keterangan mereka itu mustahak untuk mendapatkan keputusan yang adil terhadap kes ini dibawah s. 425 Kanun Prosedur Jenayah.

Sayugia disebut di sini bahawa perkara "*prima facie* telah dibuktikan" telah dinotakan sekali lagi pada muka surat 77 Rekod Rayuan akan tetapi oleh sebab Mahkamah bersidang sebagai Mahkamah rayuan di sini apa yang direkodkan dalam Rekod Rayuan adalah penting; tambahan pula tiada apa-apa penjelasan diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya mengenai perkara ini dan ini menunjukkan sikap sambil lewa yang terdapat dalam penyediaan Rekod Rayuan itu yang telah menimbulkan banyak ketidaktentuarahan mengenai prosedur dan pertuduhan yang dihadapkan kepada perayu. Dan dalam kes jenayah terutamanya pada peringkat rayuan hak OKT (perayu) terhadap faedah keraguan (benefit of doubt) hendaklah dan semestinya diberikan pertimbangan dan tekanan yang sesuai. Hashim Yeop A. Sani HMP (pada masa itu) berkata dalam kes *Lim Kheak Teong v. Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 38 pada muka surat 40:

> With respect, what Lord Russel of Killowen said in *Sheo Swarup* was that although no limitations should be placed on the power of the appellate Court, in exercising the power conferred "the High Court should and will always give proper weight and consideration to such matters" as:
>
> (1) .....
>
> (2) .....
>
> (3) **the right of the accused to benefit any doubt; and**
>
> (4) .....
>
> (Penekanan oleh saya).

Dalam kes ini saya memberikan faedah keraguan tersebut kepada perayu oleh sebab timbul banyak keraguan dalam pengerekodan nota keterangan yang tidak dijelaskan langsung oleh Timbalan Pendakwa Raya pada peringkat rayuan.

Di atas alasan-alasan yang disebutkan di atas maka Mahkamah dengan penuh rasa berat dan tanggungjawab membenarkan rayuan perayu ini dan membatalkan perbicaraan dan sabitan yang dikenakan ke atas beliau dan mengetepikan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya dan membebaskan dan melepaskannya. Mahkamah membuat keputusan sedemikian oleh kerana adalah lebih penting menegakkan prinsip yang berkaitan daripada mempertahankan kes itu sendiri, seperti kata Edgar Joseph Jr. HMA dalam kes *Sun Kam Heng v. Public Prosecutor* [1993] 1 AMR 2, 49 pada muka surat 54:

> ... although it was utterly regrettable that the appellant should succeed in his appeal, the principle involved was more important than the case itself, and so, with considerable regret, we had no option but to allow the appeal, quash the convictions, set aside the sentences and record orders of acquittal and discharge ...